



# PERNYATAAN PRINSIP TIADA HADIAH DAN KERAIAN

Tuan/Puan dan Pelanggan UPM yang dihormati,

UPM amat komited dalam membentuk sebuah organisasi yang membudayakan integriti dan mengamalkan nilai-nilai murni dan beretika. Bagi mendukung empat (4) Nilai utama yang diamalkan oleh UPM iaitu kecemerlangan, kepelbagaian, kelestarian dan INTEGRITI, kami telah melaksanakan Prinsip Tiada Hadiah atau Keraian bagi apa-apa perkhidmatan/kontrak perolehan yang ditawarkan oleh UPM kepada orang awam atau pembekal UPM. Warga UPM daripada peringkat Lembaga Pengarah Universiti, Pihak Pengurusan Universiti dan semua staf lain dilarang daripada menerima hadiah atau keraian semasa berurusan dengan tuan/puan atau mana-mana pelanggan UPM.

Sila laporkan kepada Unit Integriti di alamat Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor, Aras 5, Bangunan Canselori Putra, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan (emel: [pnc\\_integriti@upm.edu.my](mailto:pnc_integriti@upm.edu.my)) sekiranya terdapat dalam kalangan warga kerja UPM yang meminta atau cuba mendapatkan apa-apa hadiah atau keraian bagi perkhidmatan/kontrak perolehan UPM semasa tuan/puan berurusan dengan UPM.

Mana-mana staf yang diberi atau yang terpaksa menerima apa-apa hadiah atau keraian daripada orang awam atau pembekal juga hendaklah membuat laporan kepada Unit Integriti mengenai perihal pemberian hadiah atau keraian itu.

Kami mengucapkan terima kasih di atas perhatian dan kerjasama anda.

**NAIB CANSELOR**  
Universiti Putra Malaysia

1 FEBRUARI 2016